

**CABARAN-CABARAN YANG
DIHADAPI OLEH MASYARAKAT
MELAYU SINGAPURA DALAM
PEMBANGUNAN SOSIAL**

HARUN GHANI

No 17

Academic Session 1994/95

ISBN 981-00-6534-5

**Department of Malay Studies
National University of Singapore**

FOREWORD

I am pleased to write this short foreword to introduce the Department's Seminar and Occasional Papers Series. The series provides the opportunity for staff members of the Department as well as scholars of Malay Studies in general to have their research findings on Malay subjects made known to a wider audience. It is also hoped that this initiative will provide the avenue for a beneficial exchange of ideas and viewpoints on Malay issues between town and gown.

The Department would like to thank Hotel Properties Pte Ltd for sponsoring the publication of the series.

Finally, it should be mentioned that the views expressed in the seminar and occasional papers series are those of the respective authors.

18 April 1995

Professor Tham Seong Chee
Head
Department of Malay Studies

CABARAN-CABARAN YANG DIHADAPI OLEH MASYARAKAT MELAYU SINGAPURA DALAM PEMBANGUNAN SOSIAL

HARUN A GHANI

Pertama biarlah saya berterus-terang dengan anda semua tentang selayang-pandang ceramah saya pada petang ini. Saya sebenarnya sekolah pun tidak habis dan bukan pula seorang akademis yang terpaksa membaca banyak buku lantas mencatitkan fakta-fakta untuk dijadikan bahan rujukan dalam ceramah, dan bukan juga seorang politikus yang matang dan dapat dibanggakan. Saya hanya manusia kerdil lagi daif yang saya kira mesti berani menerima "Cabaran" untuk berhadapan anda yang berada di menara gading yang tentunya mempunyai pengetahuan tinggi dan dapat berfikir secara mendalam serta rasional.

Ingat menerima undangan berceramah hari ini pun merupakan satu "Cabaran" bagi diri saya sebelum saya memperkatakan tentang cabaran-cabaran masyarakat Melayu dalam pembangunan sosial.

Tajuk ini menggambarkan satu keadaan yang membimbangkan dan kalau difikir lebih mendalam ia amat menakutkan. Kerana kita masyarakat Melayu di Singapura ini telah disedarkan dengan segala macam keburukan dalam segala bidang, umpamanya kita "TERKEBELAKANGAN" dalam segala bidang pelajaran, ekonomi, sosial, politik dan lain-lain. (Saya tidak mahu menggunakan perkataan ketinggalan atau pun

kemunduran kerana kedua-dua perkataan ini ada menunjukkan unsur-unsur kita tidak mengambil bahagian).

Kita telah ditontonkan dengan data-data maklumat tentang gejala sosial masyarakat kita seperti penagihan dadah, kenakalan remaja, kesalahan-kesalahan jenayah, perceraian dan lain-lain lagi. Ia sebenarnya mencabar cara fikiran atau minda kita. Ia perlu penawar yang mujarab. Sebenarnya apa yang hendak saya perkatakan hari ini adalah berdasarkan pengalaman dan pengamatan saya secara selayang pandang.

Judul ceramah ini agak meluas. Ia merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat Melayu, kerana itu biarlah saya cuba memberi tanggapan tentang perkataan "Challenges". Ia bererti "cabaran". Pada penilaian saya, perkataan ini mewujudkan gambaran sebagai satu tawaran, satu kondisi untuk mengukur kemampuan, kebolehan, keberanian, pengorbanan pada diri saya. Tegasnya kalau saya menerima sesuatu 'cabaran' bererti saya harus membuat jangka kasar peratus kejayaan dan kegagalan saya seandainya saya menceburkan diri secara total.

Perkataan 'Pembangunan' pula membawa pengertian tahap pertumbuhan dan tahap perkembangan dan kemajuan. Dan apabila kita kaitkan dengan perkataan 'Sosial', pada pendapat saya konsepnya bermaksud segala gerakan-gerakan yang ada kaitannya dengan kewujudan masyarakat sesebuah kumpulan masyarakat dan negara. Lantas taraf atau nilai sesebuah negara bolehlah di gambarkan berdasarkan kepada bilangan dan bentuk "Social Development" yang ada di negara itu, lebih banyak gerakan-gerakan sosial yang terdapat di sesebuah negara itu mencerminkan nilai hidup

sesebuah negara dan masyarakatnya.

Cita-cita sesebuah masyarakat yang ideal - teratur, berdisiplin, penuh bertimbang-rasa, pemurah dan penyayang - adalah supaya setiap warga negaranya dapat merasakan segala kemampuan negara itu. Untuk mencapai matlamat ini, pemerintah dan badan pentadbir memanglah kurang berdaya. Jadi, anggota masyarakatlah yang menjadi tulang belakang membolehkan negara mencapai pembentukan masyarakat yang lebih baik, terlindung daripada segala bencana dan malapetaka sosial.

Pendek kata, segala kepincangan masyarakat boleh dipulihkan dengan bantuan dan kerjasama masyarakat itu sendiri. Demikian juga halnya kalau pemerintah memerlukan sesuatu pambiakan meluas tentang dasarnya. Badan-badan gerakan masyarakat sangat penting demi kebaikan sesebuah negara.

Berjenis aktiviti-aktiviti sosial terdapat di negara kita dan banyak lagi akan dan mesti dibentuk. Apa yang menjadi persoalan besar ialah tambahan bilangan sukarelawan supaya dapat mempengaruhi lebih ramai lagi anggota masyarakat turut serta dalam kerja pembangunan negara ini. Sukarelawan yang berkebolehan pula dapat membimbing, mengasuh, mentadbir dan sebagainya, supaya dapat kita banggakan bahawa setiap orang mempunyai peranan dalam sebahagian gerakan pembentukan sosial. Kepada orang Melayu, ini adalah satu "challenge" atau cabaran yang amat besar.

Sebenarnya, masalah kekurangan penglibatan dalam gerakan sosial adalah masalah

negara, cuma tajuk perbincangan kita hanya tertumpu kepada penglibatan orang Melayu sahaja. Maka perhatian kita lebih ditumpukan ke sudut ini. Tetapi ada baiknya kalau kita menyentuh sedikit keadaan sebenar tentang kedudukan yang menjadi nasional ini.

Rata-rata hanya 7% sahaja daripada seluruh penduduk negara kita yang melibatkan diri dalam gerakan-gerakan sosial. Di antara 7% ini juga adalah mereka yang melibatkan diri dalam gerakan-gerakan "Social Ethnic" masing-masing. Mengikut kadar Ethnic yang melibatkan diri: Cina 7%, Melayu 10%, India 12%, lain-lain Ethnic 18.5%.

Tujuh peratus atau 175,000 orang daripada hampir 3 juta orang adalah satu perhitungan yang sangat kecil. Maka itulah sebabnya, dewasa ini pihak berkuasa dan semua badan-badan gerakan sosial sedang memikirkan cara-cara supaya dapat menambah, melipat-gandakan bilangan warga negara kita untuk tampil kehadapan menyumbangkan apa sahaja kemampuan mereka dalam segala bidang supaya dapat membantu dalam usaha kita membentuk satu masyarakat 'Singaporean' yang benar-benar tulin.

Sekarang biar kita perhatikan penceburan Ethnic Melayu dalam gerakan-gerakan sosial di negara kita. Sekali lagi soalan yang sama muncul juga: Mengapa kurang penglibatan?

Pada keseluruhannya, bangsa Melayu memang penyayang, mudah kasihan, suka

mengalah, bertimbang-rasa, sukaan keadilan, mengecam penderitaan, mahu kemajuan dan keselesaan hidup. Semua ini adalah nilai-nilai Islam - baik dan murni - melakukannya adalah satu ibadah - dapat pahala. Saya rasa pahalanya tidak kurang kalau kita ikhlas untuk menolong, membantu usaha negara untuk memperbaiki atau cuba membentuk satu keadaan selesa bagi semua orang.

Saya dan ramai rakan-rakan saya tidak dapat menghindarkan diri daripada kemosyikilan mengapa sangat sedikit orang-orang kita tampil kehadapan menyumbang tenaga, membantu dengan apa sahaja supaya kata orang tua-tua: yang berat menjadi ringan yang gelap menjadi terang, yang buta dapat kelihatan dan yang layu menjadi segar.

Dalam hidup mesti ada perubahan, tidak ada satu-satunya yang statik. Kita mesti menukar sikap kita terhadap bangsa dan negara supaya sumbangan orang Melayu dalam pembentukan sosial negara keseluruhannya tidak lagi dikatakan sepi dan demi kepentingan masyarakat Melayu juga.

Bilangan yang yakin dan percaya bahawa orang Melayu mempunyai potensi yang banyak, sangat ramai. Kalau anda percaya anda mempunyai kebolehan dalam satu-satu bidang, tidak ada yang menghalang anda menceburkan diri dalam sesuatu kumpulan sosial dimana kebolehan anda dapat memberi faedah yang bukan sedikit. Berkongsilah pengetahuan dan pengalaman anda dengan kumpulan-kumpulan lain untuk kebaikan menyuluruh.

Ramai orang bersungut dan berkata, alasan-alasan yang diberi adalah alasan-alasan yang lama, sama sahaja dan sudah lapuk: tiada masa, tak kuasa, penat, banyak kerja, malu, takut orang kata nanti. Semuanya ini adalah nilai-nilai negatif yang mesti dihapuskan secepat mungkin. Ini adalah satu penyakit kalau tidak dirawat dengan segera membawa kearah kepupusan. Ambillah iktibar dari sejarah dunia. Perhatikanlah unsur-unsur yang menyebabkan keruntuhan-keruntuhan negara-negara, empayar-empayar dan bangsa-bangsa yang suatu ketika sangat kuat dan kebal.

Orang-orang seperti anda ini mempunyai intelek yang lebih dari kebanyakan orang. Kalau tidak tukkan anda dapat melanjutkan pengajian ke Universiti. Saya sangat yakin tentang kebolehan dan kemampuan anda. Mungkin apa yang anda fikirkan tentang kurang percaya pada diri sendiri adalah satu kompleks belaka - satu kelemahan yang sedia ada dalam corak peribadi orang kita. Anda hanya memerlukan peluang supaya dapat mendedahkan kebolehan anda. Go for it!

Bijak pandai kita memang mempunyai kebolehan dan yang ada pula amat luar biasa. Pada masa dahulu, ‘write-up’: rencana-rencana mustahak dan serius di akhbar terkemuka seperti the Straits Times, ditulis oleh orang-orang putih atau pakar-pakar dari luar. Tetapi hari ini rencana-rencana yang serius seperti ini ditulis oleh anak-anak Melayu. Saya dan rakan-rakan sangat kagum. Dan mestilah diingat pula, segala tulisan seperti ini dibaca oleh bijak pandai dalam masyarakat berbilang bangsa kita.

Pokoknya, orang sudah percaya dengan kebolehan dan kecekapan anda. Pemberita-pemberita Melayu di radio seperti 98.7 FM, 94.2 FM, di televisyen dan Deejay-

Deejay Melayu sangat-sangat popular. Mereka sangat fasih dan bijak-bijak belaka.

Saya agak anda semua serupa juga dan kebolehan anda tentu lebih.

Siapakah orang-orang yang kita harapkan harus diasuh supaya dapat mereka menceburkan diri dalam gerakan-gerakan sosial? Mereka ialah setiap individu Melayu yang ada: tua, muda, belia, lelaki, perempuan, anak-anak di bangku sekolah, mudah-mudi yang terumbang-ambing yang memerlukan penasihat-penasihat yang mereka anggap dapat memahami masalah mereka.

Anda semua adalah ‘potential leaders’. Kalau belum ada pengalaman menjadi ‘leader’, hadirlah kursus-kursus yang dianjurkan oleh pemerintah atau badan-badan seperti People’s Association (PA) dan National Trade Union Congress (NTUC), NACTI dan lain-lain.

Penceburan yang mendalam memberi kefahaman yang lebih halus tentang masalah bangsa kita dan mungkin dapat membasmikan konsep yang salah terhadap anak bangsa sendiri yang selama ini terpendam di sanubari kita. Kadang-kadang kefahaman yang mendalam menimbulkan satu kesedaran dan timbang-rasa yang lebih luhur dan kata bijak pandai: "Tak kenal maka tak cinta". Demikian juga reaksi orang lain terhadap diri kita.

Nilai kepuasan diri seseorang sukarelawan memanglah susah untuk diukurata apabila sesuatu projek atau eksperimentasi yang dicubanya itu berjaya. Contoh yang paling dekat yang dapat disamakan adalah seperti anak-anak sekolah apabila pasukanya

menang dalam satu-satu pertandingan. Apatah lagi kalau seseorang itu ada peranan dalam kejayaan itu. "Sometimes it is better to be on the giving than the receiving end".

Anda mesti mengambil cabaran ini - mesti memberi peluang pada diri supaya tahu sejauh manakah tahap stamina anda dalam penceburan diri anda berbakti kepada masyarakat. Jangan pedulikan sangat tentang kata-kata orang: mengumpat, mencemek atau menyindir tentang usaha kita membuat perkara amal. Orang seperti anda tak perlu bimbang atau takut kepada manusia-manusia berotak dangkal dan kerdil itu.

Ingat pada apa President John Kennedy berkata: "Never ask what your country can do for you but ask what you can do for your country".

Keputusan untuk menceburkan diri kedalam perkhidmatan sukarelawan gerakan sosial mestilah datangnya dari hati sendiri. Fikirkanlah untuk sejenak: Apakah sumbangan yang boleh anda beri, yang akan membawa kesan baik kepada masyarakat kita. Ibadah ini mungkin akan menukar peribadi anda, menjadikan anda seorang yang lebih bertanggungjawab, lebih bertafakur kepada Allah, lebih 'cool' menghadapi segala masalah yang rumit dalam hidup sehari-harian.

Saya percaya nilai intelek seseorang itu menjadi lebih tinggi, lebih kukuh apabila digunakan sebagai alat untuk ramai, saya anggap sebagai satu pembaziran yang sangat-sangat merugikan kalau kita gagal mempergunakan penumpuan intelek orang kita yang sedia ada dan yang kian pesat bertambah itu. Ketajaman intelek yang selalu

diasah dapat menyelesaikan segala masalah.

Perkhidmatan orang seperti anda dalam apa saja gerakan sosial masyarakat sangat-sangat diperlukan. Seperti apa yang saya katakan tadi, kekurangan penceburan orang-orang kita inilah yang menjadi masalah utama dewasa ini yang menjadi pokok segala cabaran.

Ramai orang kita yang masih dalam kegelapan. Mereka sangat-sangat memerlukan asuhan dan galakan dari orang yang lebih arif. Unsur-unsur sosial yang sangat luas itu tidak ada ertinya kepada kebanyakan orang kita: Politik, Ekonomi, Pelajaran, Kemasyarakatan, Estatik dan Pembangunan. Perkara-perkara ini sangat luas dan rumit tetapi perlu difahami sedikit sebanyak oleh tiap-tiap ahli masyarakat kita. Apa yang lebih mustahak lagi ialah panduan dan keterangan yang diberi mestilah datang dari orang yang fasih dalam perkara-perkara ini. Saya katakan demikian sebab petualang-petualang bangsa dan negara dengan mudah sahaja mengambil kesempatan memberi penerangan yang sengaja disalah ertikan. Ini adalah satu perbuatan jenayah sebab boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat kita.

Sebagai misalan: berapa peratuskah bilangan orang kita yang tahu apa itu GST? Mengapakah cukai ini dikenakan keatas pembeli? Apakah perhubungan GST dan eksport barang dari Singapura? Penuduhan bahwa GST dikenakan semata-mata supaya pemerintah mendapatkan wang tambahan, menyusahkan rakyat adalah tak betul. Begitu juga, misalnya tentang ‘upgrading’ flat mereka secara beramai-ramai. Cara ini mengurangkan ‘cost’. Mutu dan nilai flat mereka menjadi lebih tinggi

sementara hidup lebih selesa.

Hingga hari ini masih ramai orang kita yang belum tahu atau kurang faham betapa perlunya kita semua bersama-sama menjaga kestabilan keadaan yang tenteram di negara kita. Apakah kesan buruk kepada ekonomi dan sosial kalau negara dalam keadaan kelam kabut?

Bagaimana pula tentang nilai penerimaan tentang perkara-perkara lain? Medisave, Edusave, CPF top-up, pengharaman chewing gum dan lain-lain lagi. Bijak pandai sangat-sangat diperlukan supaya dapat menerangkan perkara-perkara seperti ini.

Negara kita boleh dikatakan termasuk dalam negara-negara yang mewah. Peluang bermiaga sangat banyak dan ramai pula orang-orang Melayu yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Ramai yang berjaya. Ramai lagi yang bersemangat ingin bermiaga tetapi tidak tahu tentang selok-belok perniagaan. Alangkah baiknya kalau mereka diberi peluang belajar tentang cara membuat contact, jenis-jenis produk yang boleh dapat pasaran, cara-cara membuat permohonan bank serta gunanya mortgage, cara menyimpan account, simpanan (savings), memotong cost dan lain-lain lagi. Saya rasa bilangan peniaga bangsa kita akan bertambah dan perniagaan mereka berjalan baik dengan nasihat dan asuhan orang-orang seperti anda.

Apa yang boleh dikatakan tentang pencapaian anak-anak kita dalam pelajaran? Sejauh ini kita melihat banyak kemajuan yang tercapai. Peratus kelulusan bertambah, sungguh pun secara perlahan-lahan. Ibu bapa mula mengambil perhatian tentang

pelajaran anak-anak. Hasil usaha badan-badan Melayu sudah jelas kelihatan.

Mungkin ada diantara anda juga berasa betapa perlunya badan tersebut harus dibantu.

Tetapi masih banyak lagi yang perlu dibuat demi kepentingan anak-anak kita.

Masalah ‘school drop-out’ masih lagi menggerunkan dikalangan orang-orang kita.

Anak-anak kita ini bukanlah terencat otak. Malahan 80% mempunyai kecerdasan yang normal dan ada sebahagiannya ‘above normal intelligence’. Apa yang berlaku sekarang ini, mereka tak berminat mempelajari pelajaran sekolah. "Boring" katanya.

Bijak pandai mestilah mengambil berat menyelidiki lebih mendalam lagi dan mengambil langkah supaya dapat mengurangkan masalah ini. Mesti cari ‘alternative’, ‘alternative’ lain yang boleh anak-anak ini buat kalau tak berminat dalam pengajian akademik (oc sukan, teknikal).

Bilangan murid-murid ‘average’ atau ‘borderline cases’ juga tidak kurang ramainya.

Bimbingan yang baik mungkin dapat membantu mereka dalam kategori ini menjadi lulus. Mereka mesti diasuh tentang cara belajar, cara membuat nota, faktor-faktor yang perlu diingat, bagaimana membentuk suasana ‘conducive’ untuk belajar. Anak-anak ini perlukan bimbingan. Kalau kita sendiri tidak mengambil berat tentang anak bangsa kita, siapakah lagi?

Masalah pendidikan saya rasa sangat-sangat rumit dan ia juga mesti dianggap masalah utama yang mesti dihuraikan secepat mungkin, sebab ialah punca segala kepincangan-kepincangan yang menghantui masyarakat kita hari ini.

Bijak pandai kita, terutama anda yang ‘major’ dalam pengajian ‘saikologi’, renungkan sejenak cerita orang tua-tua, ‘O bangau, O bangau’ - "The Law of Causation".

Hingga hari ini masalah ‘Child Delinquency’ belum banyak dapat dibendungi. Satu kepincangan kalau dibiarkan berleluasa akan menular kepada berjenis-jenis jenayah. Dari bergasak cara perseorangan atau pun dengan ‘gang’, pencurian kecil (petty theft), pengguguran haram (illegal abortion), pecah-rumah, merompak, membunuh dan penagihan dadah. Sedarkah kita bahawa di antara sepuluh penyalanhan penggunaan dadah, lima adalah anak Melayu?

Adakah ‘Child Delinquency’ hasil percampuran atau pendidikan di rumah yang salah? Bagaimana asuhan baik di rumah boleh dibuat sedangkan ibu bapa bercerai? Siapa agaknya yang mampu memberi ‘quality time’ dalam keadaan seperti ini? Salahkah anak yang sudah boleh berfikir sendiri perasah bahawa mereka bukanlah jadi satu sebab mustahak yang ibu bapa itu mesti merujuk semula. Mereka berasa sangat-sangat yang kemunculan mereka di dunia ini tiada gunanya.

Kadar perceraian orang-orang Melayu sangat tinggi kalau diukur dari kadar penduduk dan mereka yang berkahwin. Patutkah bijak pandai kita berdiam diri, membiarkan perosak masyarakat kita membiak, menambahkan lagi kepincangan kekeluargaan. Anda yang berkelulusan ilmu kemasyarakatan tentu mempunyai banyak jawapan yang boleh menjadi penawar kepada penyakit yang sedang dihadapi masyarakat kita. Anda tahu siapa yang salah dan siapa yang benar dalam pertikaian antara kedua-dua pihak dan mungkin dapat memberi nasihat yang mencegah mereka daripada bercerai.

Perceraian selalu berlaku di kalangan pasangan yang sudah berumahtangga lebih kurang antara 4 hingga 10 tahun dan ada juga yang bilangannya tidak pula kecil, mereka yang sudah lanjut - past 30 to 45. Saya dapat buat kesimpulan, mungkin salah, bahawa punca kalabata ini ialah apabila si isteri "takes things for granted". Tidak pedulikan sangat tentang si suami. Yang si suami berasa benar ialah: tidak lagi bergurau-senda, belaian-mesra yang selalu dirasai sebelum berkahwin. "No more the deep search in the dark pupil of the eyes". "No praise or appreciation". Mungkin ini semua perkara kecil. "But then, small things mean a lot!" Si suami pula lain halnya. Selalu masam, bengis dengan tak bersebab. Suka mengkritik apa saja perbuatan si isteri. Tak pernah memujinya. Saya rasa si suami juga lupa "about little things".

Pengajian anda di sini meluluskan anda sebagai penasihat dalam perkara-perkara mustahak bagi rumah-tangga, tanggung-jawab dan peranan suami-isteri, belanjawan dan penyimpanan wang erti jimat cermat, dan lain-lain lagi.

Ada di antara anda pula tahu benar-benar tentang pendidikan bayi (child care). Pengajaran dan nasihat dalam perkara ini sangat-sangat berguna dan faedahnya sangat besar. Makanan bayi yang baik, betul dan teratur menjadikan bayi membesar subur, cergas fizikal dan mental. Ramai juga ibu-ibu kita yang kurang faham tentang memilih mainan-mainan yang berfaedah untuk membentuk imaginasi anak-anak kecil. Demikian juga tentang perlunya membaca dan bercerita kepada anak-anak.

Selalu kita mendengar: anak-anak kecil diibaratkan seperti kain putih. Apa yang

dilukiskan, itulah gambaran yang tertera. Tetapi si pelukis mestilah tahu benar tentang nilai-nilai yang hendak diasuh dan dipupuk supaya betul-betul kukuh. Nilai asuhan yang kurang baik akan menjadikan manusia yang mempunyai lebih nilai-nilai ‘negatif’. Usaha-usaha untuk memperbaiki segala apa yang sudah rosak akibat pengaruh-pengaruh yang sudah lama bertapak, sangat-sangatlah susah dan rumit. Mengapakah ramai anak-anak kita tidak suka makan masakan ibu di rumah? Asam pedas ada, sayur nangka masak lemak ada, sambal tumis, sambal goreng, sambal belacan pun ada. Mengapa masih memilih ‘fast food’ - A & W, McDonald dan KFC? Baju kurung katanya ‘orbit’. Pakaian yang serembah-serembih jadi pilihan. Mengapa? Kesenian sendiri dihumban - ‘boring’ katanya. Lagu-lagu rancak yang liriknya cuma satu atau dua barisan diikuti dengan jeritan dan laungan yang tidak ada ertiannya menjadi pilihan dan idaman. Mengapa? Merbahaya!

Kumpulan-kumpulan seni mesti menghidupkan semula supaya anak-anak kita dapat dedahan yang lebih banyak lagi tentang ‘the aesthetic beauty’ seni bangsa sendiri. Mereka mestilah didedahkan kepada tarian-tarian alat-alat muzik dan suasana majlis-majlis yang telah diwariskan kepada kita. Kita mestilah cuba menyematkan semula kepada anak-anak dan muda-mudi kita, perasaan yang sudah hilang tentang keindahan dan kecantikan kebudayaan kita. Kita mesti membantu, menyebarkan konsep bahawa apa yang anak-anak kita yang selama ini memuja-muja bukanlah kebudayaan mereka sebenarnya. Kita ada kebudayaan sendiri yang lebih halus, lebih seni.

Bijak pandai kita dalam soal seni budaya dengan cara bermusyawar mungkin dapat membuat beberapa variasi dalam tarian-tarian, drama dan permainan alat-alat muzik

warisan kita. Jemput ramai lagi anak-anak muda-mudi kita supaya dapat mencungkil lebih ramai lagi bakat-bakat terpendam. Adakan banyak lagi pertandingan drama, tarian, pakaian dan lain-lain lagi. Soal pokoknya, di mana datangnya sukarelawan-sukarelawan untuk membimbing, mengasuh, mentadbir dan menasihat?

Saya harap benar ramai lagi bijak pandai anak bangsa kita yang sanggup mendukung beban yang dihadapi oleh anak bangsanya sendiri. Kalau tidak kita sendiri mengambil berat tentang nasib orang Melayu, siapakah lagi? "That is the basic law of nature towards survival".

Kesimpulannya yang nyata sekali bahawa cabaran yang kita hadapi sebenarnya adalah bagaimana sikap ketahanan jiwa, fikiran atau fizikal dapat ditingkatkan lagi agar kita tidak mudah putus asa dan berserah.

Sikap berani menentang segala dugaan dan hambatan, sikap sentiasa mahu berjaya dan percaya kepada diri sendiri dan penting sekali sikap mahu membantu masyarakat kita agar dapat setanding dengan anggota masyarakat lain.

Cakap mudahnya mahu mengembalikan maruah bangsa dengan konsep mengutuhkan pegangan agama bukan mengabaikan agama agar cakap-cakap keburukan masyarakat kita diganti dengan bau setanggi yang harum meluas di ruang terbuka.

ABOUT THE SPEAKER/WRITER

Mr Harun Ghani is a Member of Parliament and is currently Political Secretary in the Ministry of Home Affairs.

OTHER TITLES IN THE SERIES

1. Noor S I, "Sastera Melayu Singapura; Penulis dan Ketukangannya (Satu Pengalaman)", No 1/2, 1990/91.
2. Masuri S N, "Penulis dan Ketukangannya", No 1/2, 1990/91.
3. Syed Isa bin Mohamed Semait, "Amalan Islam Dalam Sebuah Negara Sekular", No 2, 1990/91.
4. Muhammad Ariff Ahmad, "Bahasa Melayu Pada Hari Ini: Satu Pandangan Peribadi", No 3, 1990/91.
5. Sidek Saniff, "Education and Singapore Malay Society: Prospects and Challenges", No 4, 1990/91.
6. Zainul Abidin Rasheed, "Muis and Mendaki: Current and Future Challenges", No 5, 1991/92.
7. Tham Seong Chee, "Defining 'Malay'", No 6, 1992/93.
8. Laurent Metzger, "Introducing Modern Malay Literature: The Thematic Approach", No 7, 1992/93.
9. Zulkifli Mohammed, "Majlis Pusat: Contemporary Developments and Future Challenges", No 8, 1992/93.
10. Abdullah Tarmugi, "Development of the Malay Community in Singapore: Prospects and Problems", No 9, 1992/93.
11. Harry G Aveling, "Contemporary Literary Theory and the Study of Malay Literature", No 10, 1992/93.
12. Tham Seong Chee, "Arah-arah Perkembangan Kebudayaan Melayu: Suatu Penilaian", No 11, 1993/94.
13. Laurent Metzger, "Perkembangan Laras Kejuruteraan Dalam Bahasa Melayu", No 12, 1993/94.
14. Tham Seong Chee, "Malay Family Structure: Change and Continuity with Reference to Singapore", No 13, 1993/94.
15. Tham Seong Chee, "Islam and Secularism: Dynamics of Accommodation", No 14, 1993/94.
16. Tham Seong Chee, "Budaya Melayu, Budaya Cina dan Islam: Mencari Sintesis dan Imbangan dalam Proses Pembudayaan Islam di dalam Masyarakat Majmuk", No 15, 1993/94. (Text in Malay)
17. Othman Haron Eusofe, "Malay Participation in the Labour Market: Challenges & Opportunities", No 16, 1994/95.

18. Harun A Ghani, "Cabaran-cabaran Yang Dihadapi oleh Masyarakat Melayu Singapura dalam Pembangunan Sosial", No 17, 1994/95.
19. Yatiman Yusof, "Islam in the East-West Debate", No 18, 1994/95.
20. Tham Seong Chee, "Values and Development in Singapore", No 19, 1994/95.

(